

30 APR 1997

Mahathir-Singapura

PM KESAL TANG DIKENAKAN TINDAKAN

PETALING JAYA, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa kesal kerana anggota parti pembangkang Singapura, Tang Liang Hong dikenakan tindakan berikutan pendedahan affidavit bersumpah Menteri Kanan republik itu, Lee Kuan Yew yang mengandungi kenyataan menghina Johor.

Perdana Menteri berkata, Tang tidak sepatutnya dipersalahkan kerana Lee sendiri sudahpun mendapatkan perintah mahkamah untuk mengeluarkan kenyataannya yang menghina Johor daripada affidavit bersumpahnya kepada Mahkamah Tinggi Singapura dalam kes samannya terhadap Tang.

"Saya tidak hendak panjang-panjangkan perkara ini. Yang saya kesal satu sahajalah kenapa Tang dipersalahkan kerana mendedahkan affidavit Lee. Bukan didedah oleh diapun (Tang) tetapi peguam (Abdul Razak Ahmad).

"Sama ada dia dedah atau tak dedah, kalau kita tak tahu pun (kenyataan yang menghina Johor dalam affidavit itu), affidavit itu menyatakan pendapat seorang pemimpin Singapura," katanya pada persidangan berita selepas dialog tertutup selama dua jam dengan para peserta Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 yang berakhir di sini.

Semalam, Mahkamah Tinggi Singapura memerintahkan Tang supaya membayar kos kerana menyalahgunakan affidavit Lee.

Hakim Lai Kew Chai berpendapat calon parti pembangkang pada pilihan raya umum republik itu yang lepas telah menyalahgunakan proses mahkamah untuk menarik perhatian kepada kenyataan Lee mengenai Johor sebagai negeri yang penuh dengan "tembak-menembak, samun dan rampasan kereta".

Dr Mahathir berkata: "Apa guna mengambil tindakan terhadap Tang kalau kita berasa kita hendak mengeluarkan kenyataan menghina Johor daripada affidavit itu. Tak payahlah ambil tindakan terhadap orang ini ... nampak teruk sangatlah".

Katanya, Tang sudahpun dikenakan denda berjuta-juta ringgit daripada kes saman Lee dan sekarang ditambah pula dengan tindakan baru.

Ketika ditanya sama ada laporan akhbar Straits Times Singapura semalam mengenai kadar jenayah yang tinggi di Johor akan menyulitkan lagi hubungan Malaysia-Singapura yang baru hendak berbaik-baik semula, Perdana Menteri berkata: "Saya tak mahu kata apa-apa. Setiap orang mempunyai pendapat mereka mengenai laporan itu."

Katanya, walaupun beberapa menteri kabinet sudahpun menyatakan bantahan keras mereka terhadap laporan itu, kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan.

"Seperti yang saya nyatakan, ia akan mengambil sedikit masa bagi kita untuk mengatasi rasa kecewa kita. Saya tak mahu cakap lebih daripada itu," katanya.

-- BERNAMA

TEAM AHH